

14 APR 1997

Dewan-Muhammad

DEWAN RAKAM PENGHARGAAN KEPADA JASA MUHAMMAD

SHAH ALAM, 14 April (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Selangor hari ini merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas jasa bekas Menteri Besarnya Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib yang menerajui negeri itu hampir 11 tahun.

Usul itu diluluskan selepas dibahaskan beberapa anggota dewan daripada Barisan Nasional (BN) dan parti pembangkang.

Speaker Datuk Onn Ismail jelas begitu terharu dan tidak dapat menahan sebaknya ketika menerima usul itu yang dikemukakan oleh anggota Exco Datuk Mohd Aini Haji Taib.

Peletakan jawatan Muhammad yang berkuatkuasa hari ini diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno selepas mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu Sabtu lepas.

Serentak dengan itu Muhammad turut melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Pagi ini Muhammad sendiri mengadakan persidangan berita sebagai lanjutan kepada pengumuman Perdana Menteri itu.

Ketika mencadangkan usul berkenaan pada persidangan dewan itu Aini (BN-Sungai Burong) berkata penghargaan itu penting bagi memperingati jasa Muhammad yang menerajui Selangor selama hampir 11 tahun lepas.

Aini berkata sejak 14 Ogos 1986 sehinggalah berkuatkuasanya peletakan jawatannya hari ini, Muhammad yang juga anggota kawasan Batang Kali merupakan seorang pemimpin unggul yang membawa kejayaan negeri Selangor sebagai negeri contoh di negara ini.

Sembilan orang anggota mengambil bahagian dalam perbahasan usul itu. Pada umumnya mereka menyatakan rasa terharu dengan peletakan jawatan Muhammad dan menganggap beliau seorang pemimpin berwibawa, berdidikasi, berani dan sanggup berkorban demi kepentingan parti dan negara.

Antara mereka yang mengambil bahagian ialah Teh Chang Yin (BN-Pelabuhan Klang), Datuk Haji Saidin Tamby (BN-Paya Jaras), Dr Pius Martin (BN-Bukit Lanjan), S. Gopalakrisnan (BN-Sungai Tua), Teng Chang Khim (DAP-Bukit Gasing), Datuk Haji Mufti Suib (BN-Ampang), Datuk Mohd Shariff Jajang (BN-Dengkil) dan Zainal Abidin Sakom (BN-Hulu Bernam).

Saidin berkata pengumuman peletakan jawatan Muhammad pada Sabtu lepas amat mengejutkan pelbagai pihak seperti juga pelantikannya dahulu.

Katanya banyak pihak terutamanya ahli politik meragui pelantikannya dahulu tetapi sebagai Menteri Besar yang sering membuat "kejutan," beliau telah berjaya membuktikan keupayaannya memimpin Selangor ke hadapan.

Dr Pius Martin berkata pembangunan ekonomi Selangor yang mencapai tahap pertumbuhan 11 peratus selama tujuh tahun berturut-turut adalah hasil usaha dan pimpinan Muhammad dan beliau perlu diberi penghargaan sebagai Bapa Pembangunan Negeri Selangor.

Gopalakrisnan berkata segenap lapisan masyarakat terkejut dengan peletakan jawatan itu dan masyarakat India amnya berasa terhutang budi dengan jasa bekas Menteri Besar itu yang tidak mengenyepikan kaum India dalam pembangunan di negeri itu.

Mufti Suib berkata peletakan jawatan itu bukanlah atas desakan media luar tetapi atas keikhlasan Muhammad yang tidak mahu masalah peribadinya dikaitkan dengan parti dan jawatannya sebagai Menteri Besar.

Mohd Shariff Jajang pula berkata media massa tempatan tidak perlulah memperbesar-besarkan isu yang boleh memberi gambaran negatif kepada

pemimpin negara dan perlulah mengambil iktibar daripada peletakan jawatan Muhammad itu.

Anggota pembangkang dari DAP Teng Chang Kim berkata Muhammad sepatutnya meletakkan jawatan empat bulan yang lepas ketika beliau ditahan di Australia kerana didakwa gagal mengisytiharkan wang tunai bernilai RM2.4 juta yang dibawanya.

Bagaimanapun Teng tetap mengakui kejayaan Selangor adalah hasil usaha dan pimpinan Muhammad. -- BERNAMA

MS NMO